

Tekad cemerlang dalam pendidikan walau hidup berliku

Oleh **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

SEMASA menghadapi peperiksaan GCE Peringkat 'O' tahun lalu, ketabahan Abdul Razzaq Mohamed Reyah diuji apabila bapanya pergi buat selama-lamanya akibat leukemia pada hari beliau mengambil peperiksaan bahasa Melayu.

Namun, Abdul Razzaq, 16 tahun, tetap menggagahkan diri ke dewan peperiksaan bagi menduduki peperiksaan itu sebelum bergegas pulang bagi menyempurnakan jenazah bapanya.

Keesokannya, beliau cekalkan hati menduduki peperiksaan terakhirnya pula.

Namun, beliau tidak membenarkan kesedihannya menjadi rintangan sebaliknya menjadikannya pembakar semangat bagi menunaikan permintaan terakhir arwah bapanya supaya berjaya dalam pelajaran agar dapat membantu ibunya, seorang pengasuh di pusat jagaan kanak-kanak.

"Memanglah sedih, tapi hidup harus diteruskan.

"Tentulah saya sayang ayah tapi saya tahu dia ingin saya lakukan yang terbaik dan saya ingat kata-katanya itu," kata pelajar tahun pertama Maktab Rendah Meridian itu.

Kini beliau dapat tersenyum bangga kerana berjaya meraih agregat 11 mata menurut kiraan L1R5 bagi peperiksaan GCE Peringkat 'O' itu.

Bukan itu sahaja, beliau turut diiktiraf dengan dermasiswa dari-pada Mercu Learning Point bernilai \$500 kelmarin.

Ketika ditemui *Berita Harian* selepas acara penyampaian anugerah dermasiswa itu di Bangunan Masyarakat Pasir Ris East kelmarin, anak bongsu daripada keluarga empat beradik itu berkata, beliau berbesar hati kerana segala kerja kerasnya dapat menghasilkan keputusan yang cemerlang itu.

Namun, kejayaan itu bukanlah penghujung baginya.

Beliau bertekad ingin terus mencapai lebih banyak kejayaan bagi membantu orang lain.

"Tentulah saya nak kehidupan lebih baik untuk keluarga saya tapi kalau saya berupaya dan mampu nanti, saya nak menyumbang kepada mereka yang memerlukan dan bantu mengubah nasib mereka juga," katanya.

Seperti Abdul Razzaq, seorang lagi pelajar yang menerima dermasiswa Mercu kelmarin, Noor Kamilia Junaidi, 12 tahun, juga ingin menyumbang kepada masyarakat.

"Contohnya, sekarang ini saya bantu di rumah orang-orang tua.

"Saya tahu itu usaha kecil tapi saya rasa kesannya besar bagi mereka yang memerlukan.

"Apabila saya sudah berjaya, mungkin saya boleh sumbang dalam bentuk wang dan bantuan lain pula," kata anak bongsu daripada keluarga tiga beradik itu.

Pelajar menengah satu Sekolah Perempuan Crescent itu merupakan penerima dermasiswa Mercu terbaik bagi peringkat Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), dengan agregat 268 mata.

Anak pasangan suri rumah dan pegawai khidmat pelanggan itu merancang menyimpan wang dermasiswa sebanyak \$300 yang dirailhnya itu.

Sekiranya perlu, beliau hanya akan menggunakannya untuk membeli keperluan sekolah jika perlu nanti.

Ketika ditemui, bapanya, Encik Junaidi Ahmair, 51 tahun, berkata, beliau jarang membawa keluarganya bercuti ke luar negara.

Menurutnya, beliau perlu berhati-hati dengan perancangan kewangan, memandangkan beliau satu-satunya pencari nafkah keluarga.

"Keutamaan saya adalah pelajaran anak.

"Kalau saya gunakan duit itu untuk bercuti ke luar negara, tuisyen mereka macam mana pula?

"Cuti boleh tunggu tapi pelajaran tak boleh tunggu," katanya sambil menambah destinasi percutian paling jauh bagi keluarganya sejauh ini adalah ke Kuala Lumpur.



INGIN SUMBANG SEMULA: Abdul Razzaq dan Noor Kamilia, yang menerima dermasiswa Mercu kelmarin, bertekad bulat ingin menyumbang semula kepada masyarakat bagi membalas bantuan yang mereka terima sekarang. – Foto KHALID BABA